

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
JUN 2004

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh:

MOHD IKHWAN BIN RAZALI

2001329037

bertajuk

LAPORAN

CADANGAN PENGUBAHSUAIAN DAN MEREKABENTUK DALAMAN
KELAB PENYOKONG BOLASEPAK ARSENAL (MALAYSIA)
NO. 46, JALAN TUN RAZAK, KUALA LUMPUR,
UNTUK ARSENAL FOOTBALL CLUB – SUPPORTERS OF MALAYSIA (AFCSM)
KUALA LUMPUR

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi

Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : ENCIK ANWARUL MUNAZIL

Koordinator : PUAN NORA' SHIKIN ABDULLAH

Ketua Kursus : PUAN RAMLAH ALWI

(Nama)

(Tandatangan/tarikh)



ABSTRAK

Tujuan thesis ini dibuat untuk menganalisa bagi projek akhir Diploma Rekabentuk Dalaman. Tajuk projek yang di cadangkan ini ialah Mereabentuk Ruang Dalaman " Arsenal Football Club Supporters of Malaysia " di No. 46, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Sebelum menjalankan thesis ini, pelbagai prosedur perlu dilalui mengikut peringkat-peringkat tertentu. Pelbagai faktor-faktor penting perlu diambilkira terutama dari sudut ruang dalaman dan termasuklah persekitaran luaran tapak. Langkah pertama sebelum melakukan projek ini adalah mengenalpasti setiap masalah di tapak cadangan dari aspek dalaman dan persekitaran tapak.

Langkah-langkah ini amat penting kerana ia untuk menyelesaikan masalah yang di hadapi di tapak cadangan. Selain itu kajian terhadap kelab ini juga perlulah diambilkira kerana ia sedikit sebanyak membantu di dalam proses merekabentuk.

Dengan kajian yang telah dijalankan serta pengumpulan data-data secara tidak langsung dapat membantu di dalam proses merekabentuk di mana ia akan mendapat satu rekabentuk yang selesa dan menarik serta dapat mewujudkan imej dan gayanya yang tersendiri.

Sehubungan itu, satu perancangan yang teliti telah telah dibuat sebelum rekabentuk cadangan ruang baru. Beberapa aspek penting perlu diambilkira untuk memastikan ruang yang dibuat mempunyai kepentingan dan dapat memenuhi keperluan pengguna. Keselesaan pengguna amat penting agar mereka dapat menikmati ruang-ruang tersebut dengan selesa. Dengan ini, untuk menampakkan lagi ruang itu seperti satu ruang yang hidup maka faktor psikologi perlu diambil kira agar elemen-elemen yang diterapkan dapat menaikkan rasa semangat serta keseronokan bagi ahli-ahli kelab serta pengunjung yang datang ke kelab ini.



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1

- 1.1) Pengenalan 1
- 1.2) Matlamat projek 2
- 1.3) Objektif projek 3
- 1.4) Kepentingan projek 4
- 1.5) Skop projek 5
- 1.6) Definisi kelab 7

BAB 2

- 2.0) Butir-butir klien 8
- 2.1) Latarbelakang klien 9
- 2.2) Aktiviti kelab 10
- 2.3) Isu dan masalah 12

BAB 3

- 3.0) Analisa tapak 13
- 3.1) Kajian tapak bangunan 14
- 3.2) Kawasan sekeliling bangunan 15
- 3.3) Struktur bangunan 17
- 3.4) Ciri-ciri dalam bangunan 18
- 3.5) Lalulintas, tempat meletak kenderaan
dan pejalan kaki 24
- 3.6) Aktiviti dan aliran trafik kawasan tapak 25
- 3.7) Kajian kemudahan 26



ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 4

- 4.0) Kajian kes 28

BAB 5

- 5.0) Konsep dan perancangan rekabentuk 35
- 5.1) Cadangan kosep 36
- 5.2) Imej 37
- 5.3) Perancangan rekabentuk 40
- 5.4) Prinsip rekabentuk 41
- 5.5) Elemen rekabentuk 42
- 5.6) Perancangan ruang 43
- 5.7) Penggunaan bahan dan pembinaan 45
- 5.8) Skima warna 46

BAB 6

- Kesimpulan 69

LAMPIRAN



1.0 PENGENALAN

Kelab merupakan satu organisasi atau pertubuhan yang menyediakan kemudahan tertentu kepada ahlinya. Terdapat pelbagai jenis kelab yang mempunyai fungsi tersendiri seperti hiburan, sukan, hobi dan sebagainya. Kelab yang berimejkan korporat mementingkan status dan imej kelab tersebut.

Kelab biasanya mempunyai ahlinya sendiri. Sebuah kelab yang berjaya dapat menjadikan kelab sebagai rumah kedua. Dari segi ruang dalamnya pula selalunya mempunyai hubungkait dengan kelab itu sendiri.

Selalunya kelab dijadikan tempat untuk ahli-ahlinya berkumpul sambil bertukar pendapat serta berhibur. Tetapi kelab seperti Kelab Penyokong Bolasepak Arsenal mereka menjadikan kelab sebagai tempat mereka berkumpul untuk menonton perlawanan bolasepak yang membabitkan kelab kesayangan mereka iaitu Arsenal. Selain itu mereka, mengadakan pelbagai aktiviti untuk mengisi masa lapang seperti bermain futsal dan membuat kerja-kerja amal.